



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

MAJLIS PERASMIAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2016 PERINGKAT KEBANGSAAN

22 OKTOBER 2016 (SABTU)

1. Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan bin Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak telah menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016 Peringkat Kebangsaan di Waterfront, Kuching hari ini.
2. Turut hadir di majlis berkenaan ialah YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YBhg. Dato' Sri Azizan Bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), YBhg. Dato' Sr. Dr. Azimuddin Bin Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), serta Ketua-Ketua Jabatan dibawah NRE.
3. Tema Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada tahun ini ialah "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama" yang bertujuan menanam sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar di kalangan rakyat Malaysia.
4. Objektif penganjuran Sambutan Hari Alam Sekitar Negara ialah bagi mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara

meluas dan menyediakan `platform' kepada warga Malaysia untuk bersama-sama terlibat dalam usaha penjagaan alam sekitar di samping menghayati kepentingan peranan alam sekitar untuk kelangsungan manusia. HASN juga disambut bagi mengiktiraf kepada mereka yang telah memberi sumbangan dan jasa kepada pemuliharaan alam sekitar di samping memupuk kesedaran di kalangan masyarakat khususnya dalam pemuliharaan alam sekitar

5. Acara Kemuncak bagi Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara 2016 Peringkat Kebangsaan tersebut ialah penyampaian Anugerah Langkawi 2015/2016. Program Anugerah Langkawi telah diperkenalkan pada tahun 1991 sebagai penghargaan dan penghormatan tertinggi negara kepada orang perseorangan yang berwarganegara Malaysia dan organisasi berdaftar di Malaysia yang telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam bidang alam sekitar, sama ada menerusi bidang pengurusan, perniagaan, penyelidikan saintifik, akademik, penulisan dan lain-lain bidang yang berkaitan.
6. Pada tahun ini, YBhg. Prof. Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin yang merupakan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah dipilih sebagai penerima Anugerah Langkawi bagi Kategori Individu manakala Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah dipilih sebagai penerima Anugerah Langkawi bagi Kategori Pertubuhan / Organisasi dengan masing-masing menerima Sijil Pengiktirafan yang ditandatangani oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Plak Penghargaan dan Wang Tunai sebanyak RM10000.00.
7. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara merupakan program penjenamaan semula penganjuran dan Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) yang telah diadakan sebelum ini. Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) yang diadakan sebagai acara tahunan adalah susulan termaktubnya Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar pada Oktober 1989. Semenjak tahun 1991, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika itu) menerusi Jabatan Alam Sekitar telah merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti sebagai usaha berterusan Kerajaan untuk menerap

dan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat Malaysia.

8. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Kebangsaan merupakan program anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Sambutan tersebut turut dianjurkan secara serentak di seluruh negara hari ini. Negeri Sarawak merupakan tuan rumah bagi penganjuran Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016 Peringkat Kebangsaan yang julung kalinya dianjurkan.
9. Sebelum perasmian yang berlansung pada hari ini, satu Majlis Pra-Pelancaran Hari Alam Sekitar Negara 2016 telah diadakan dengan aktiviti penanaman semula pokok hutan ke atas kawasan yang diceroboh di Hutan Simpanan Terla B, Cameron Highlands pada 20 September 2016 yang lalu melibatkan kerjasama antara agensi kerajaan dengan penduduk tempatan dan NGO. Seterusnya, Program Konservasi Biodiversiti Marin "Sehati Sejiwa" telah diadakan di Taman Laut Pulau Besar, Mersing, Johor pada 26 September 2016 yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.
10. Antara aktiviti-aktiviti yang turut diadakan dalam Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2016 Peringkat Kebangsaan ini ialah Program Berbasikal Cabaran Kayuhan Hijau 24 Jam Tanpa Henti, Acara Senamrobik, Program Berbasikal 'Enviro-ride', Promosi Pengutipan 'e-Waste', Pameran Pertandingan Mencipta Bahan Baru dari Bahan Buangan (*Creating New Out of Old*), Pemeriksaan Kesihatan, Pemeriksaan Percuma Kenderaan, Ujian Pelepasan Asap Kenderaan, Cabutan Bertuah, pameran dan jualan.